

Zionis nafi gencatan senjata

KHAMIS 31/5/18 BERITA HARIAN MHS 71

➔ Situasi dilihat tenang, semalam petanda krisis boleh berakhir

► Gaza City

srael tetap degil dan menafikan mereka bersetuju dengan gencatan senjata, seperti didakwa pejuang Hamas selepas menyerang lebih 25 kubu itu, kelmarin.

Namun, situasi tampak tenang, semalam dan ada petanda bahawa krisis itu pun berakhir.

Terdahulu, pertempuran yang berterusan sejak kelmarin mencekutkan satu gambaran kemungkinan satu lagi perang berlaku di kawasan Palestin sejak 2014.

Rejim Zionis berkata mereka mensasarkan 65 kawasan Hamas di Semenanjung Gaza selepas memintas kira-kira 100 roket dan mortar dilancarkan pihak lawan masuk ke dalam Israel.

Sebilangan bedilan dapat dipintas sistem pertahanan udara rejim Zionis itu.

Tiga tentera Israel cedera, kata tentera. Namun tiada laporan kematian di Gaza.

Terdahulu, selepas ketegangan kelmarin diikuti bunyi siren dan letupan pada tengah malam, pihak Palestin mendakwa adanya

gencatan senjata.

Lewat semalam, jurucakap Jihad Islam berkata perjanjian gencatan senjata dicapai dan semalam, pegawai kanan Hamas, Khalil al-Hayya, juga bercakap mengenai perjanjian itu.

Nafikan rundingan perjanjian

Tentera Israel tidak memberi sebarang ulasan tetapi Menteri Perisikan, Yisrael Katz, menafikan rundingan perjanjian itu.

"Israel tidak mahu keadaan menjadi semakin buruk tetapi pihak yang memulakan keganasan perlu menghentikannya.

"Rejim akan membalas semua bedilan ke arah Israel," katanya kepada radio Israel.

Seorang lelaki meninjau kerosakan di sebuah kawasan selepas serangan udara dilancarkan rejim Zionis di Khan Younis di selatan Semenanjung Gaza, semalam.

Fakta nombor

25 KUBU pejuang telah diserang Israel

65 KAWASAN pejuang jadi sasaran Israel di Semenanjung Gaza

Keganasan kelmarin menyusul ketegangan membawa maut selama beberapa minggu di sepanjang sempadan antara Israel dan Gaza.

Dalam kenyataan bersama yang jarang dibuat, Hamas dan Jihad Islam mengisytiharkan perkongsaan tanggungjawab di atas bedilan roket dan mortar, berikutan ia sebagai membalas dendam kerana serangan Israel yang menasarkannya kedudukan mereka.

Tiga anggota Jihad Islam terkorban dalam serangan Israel Ahad lalu, dan kumpulan itu berjanji akan membalas dendam.

Ini adalah bedilan terbesar besar dari Gaza ke Israel, dan tindak balas terbesar rejim Zionis itu sejak perang 2014.

AFP